

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 04 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan strategik Kerajaan untuk menyelesaikan peningkatan jumlah siswazah menganggur terutama daripada golongan B40 dan isu ketidaksepadanan pekerjaan dengan kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran pada Julai 2019 mencatatkan pada kadar 3.3 peratus berbanding 3.4 peratus dalam tempoh yang sama pada Julai 2018. Statistik mencatatkan seramai 624,800 orang penganggur pada Julai 2019 berbanding seramai 510,800 orang pada tempoh yang sama 2018. Bilangan tenaga buruh bekerja pada bulan Julai 2019 mencatatkan seramai 15.2 juta orang berbanding seramai 14.9 juta orang pada tempoh yang sama 2018.

2. Ketidakpadanan penawaran berbanding permintaan dalam pasaran pekerjaan yang mana ia membawa kepada peningkatan pengangguran golongan graduan dan belia berikutan pekerjaan yang

SOALAN NO : 24

ditawarkan yang selaras dengan perkembangan industri 4.0. Dalam hal ini, KSM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan bakat (*Technical Working Group-Skills*) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

3. Kementerian juga telah mempertingkatkan usaha kolaborasi industri dalam pendidikan dan latihan dalam pembangunan tenaga kerja untuk memenuhi keperluan industri kini dan akan datang. Usaha ke arah menawarkan latihan berkualiti tinggi dan menggalakkan pembangunan tenaga kerja melalui pembangunan kurikulum dan latihan *Technical and Vocational Education Training* (TVET) bagi memenuhi keperluan kemahiran industri. Jawatankuasa Industri dan Kemahiran menjadi platform rasmi bagi menambah peluang pekerjaan dan memperbaiki padanan pekerja dengan pekerjaan. Langkah-langkah intervensi seperti mengenal pasti kemahiran yang diperlukan industri, serta mengurus perdana pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) selaras industri 4.0.

4. Di samping itu, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) mengambil inisiatif menubuhkan *Institute-Industry Management Board* (IIMB) bermula pada tahun 2019, di mana IIMB ini merupakan satu platform yang akan melibatkan pihak industri di dalam merancang program, kurikulum dan keperluan infrastruktur latihan di Institut Latihan JTM (ILJTM) agar ianya selari dengan kehendak pasaran kerja semasa. Penubuhan IIMB ini amat penting untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan di ILJTM adalah relevan dengan teknologi terkini khususnya elemen-elemen yang berkaitan dengan keperluan Industri 4.0, dan pada masa yang sama dapat mengatasi masalah ketidaksepadanan (*mismatch*) yang sering dibangkitkan oleh pihak industri.

SOALAN NO : 24

5. Kerajaan juga melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), telah menggariskan strategi untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, memperkasa institusi pengajian bertanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cekap teknologi serta menambah baik kualiti pendidikan TVET negara agar kadar penyertaan graduan dan belia ke dalam pasaran perburuhan selaras kehendak industri.

6. Kementerian ini juga membangunkan modul latihan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui kerjasama dengan pelbagai institut latihan awam dan swasta bagi menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* bagi meningkatkan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future work*). Kementerian juga mempromosikan 59 pekerjaan yang iaitu *Critical Occupational list (COL)* yang melibatkan 18 sektor ekonomi oleh Talent Corporation Dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) yang diperlukan oleh industri semasa sebagai rujukan kepada penyedia-penyedia latihan sebagaimana permintaan di bawah revolusi industri 4.0.

7. Kementerian juga sedang menggubal *National Human Resource Blueprint* selaras dengan 7 Pelan Strategik Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030. Strategi transformasi modal insan harus memfokuskan kepada penyediaan sumber tenaga yang lebih produktif, efektif, berkemahiran, berteknologi dan bernilai tinggi, termasuk dalam industri ekonomi baharu seiring dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019.